ICBC 中国工商银行

INDUSTRIAL AND COMMERCIAL BANK OF CHINA LIMITED

(diperbadankan di Republik Rakyat China)

Ibu Pejabat : 55 Fuxingmennei Avenue, Xicheng District, Beijing, China
Tel: 86-10-6610 6114

Cawangan Singapura : 6 Raffles Quay #12-01, Singapura 048580
Tal: 6538 1066, Fax: 6538 1370

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

Tahun berakhir 31 Disember 2020
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2020	2019
ASET		
Tunai dan baki dengan bank pusat	3,537,795	3,317,916
Terhutang daripada bank dan institusi kewangan yang lain	1,081,897	1,042,368
Aset kewangan terbitan	134,155	68,311
Perjanjian pembelian semula balikan	739,288	845,186
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	18,136,328	16,326,552
Pelaburan kewangan	8,591,139	7,647,117
- Pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	784,483	962,078
- Pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	1,540,988	1,476,872
- Pelaburan kewangan ditetapkan pada kos dilunaskan	6,265,668	5,208,167
Pelaburan dalam syarikat sekutu dan usaha sama	41,206	32,490
Hartanah dan peralatan	286,279	286,561
Aset cukai pendapatan yang tertunda	67,713	62,536
Lain-lain aset	729,258	480,399
JUMLAH ASET	**33,345,058**	**30,109,436**
LIABILITI		
Terhutang kepada bank-bank pusat	54,974	1,017
Liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	87,938	102,242
Liabiliti kewangan terbitan	140,973	85,180
Terhutang kepada bank-bank dan lain-lain Institusi kewangan	2,784,259	2,266,573
Perjanjian pembelian semula	293,434	263,273
Sijil deposit	335,676	355,428
Terhutang kepada pelanggan	25,134,726	22,977,655
Cukai pendapatan yang perlu dibayar	89,785	96,192
Liabiliti cukai pendapatan tertunda	2,881	1,873
Pengeluaran sekuriti hutang	798,127	742,875
Lain-lain liabiliti	712,770	525,125
JUMLAH LIABILITI	**30,435,543**	**27,417,433**
EKUITI		
Ekuiti berpunca dari pemegang ekuiti dari syarikat induk		
Modal syer	356,407	356,407
Lain-lain instrumen ekuiti	225,819	206,132
Rizab	800,718	745,111
Keuntungan tertahan	1,510,558	1,368,536
	2,893,502	2,676,186
Faedah tidak terkawal	16,013	15,817
JUMLAH EKUITI	**2,909,515**	**2,692,003**
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	**33,345,058**	**30,109,436**

PENDAPATAN UNTUNG ATAU RUGI YANG DISATUKAN

Tahun berakhir 31 Disember 2020
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2020	2019
Pendapatan faedah	1,092,521	1,063,445
Perbelanjaan faedah	(445,756)	(431,228)
PENDAPATAN FAEDAH BERSIH	**646,765**	**632,217**
Pendapatan fi dan komisen	146,668	146,350
Perbelanjaan fi dan komisen	(15,453)	(15,777)
PENDAPATAN YURAN DAN KOMISEN BERSIH	**131,215**	**130,573**
Pendapatan perdagangan bersih	2,222	8,447
Keuntungan (Kerugian) bersih/pada pelaburan kewangan	11,829	(3,682)
Lain-lain pendapatan kendalian bersih	8,044	8,447
PENDAPATAN KENDALIAN	**800,075**	**776,002**
Perbelanjaan Kendalian	(206,585)	(207,776)
Kerugian kejejasan pada aset	(202,668)	(178,957)
KEUNTUNGAN KENDALIAN	**390,822**	**389,269**
Perkongsian keuntungan dari syarikat sekutu dan usaha sama	1,304	2,520
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	**392,126**	**391,789**
Perbelanjaan cukai pendapatan	(74,441)	(78,428)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	**317,685**	**313,361**
PEROLEHAN KEPADA:		
Pemegang ekuiti syarikat induk	315,906	312,224
Faedah tidak terkawal	1,779	1,137
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	**317,685**	**313,361**
PEROLEHAN SETIAP SYER		
- Asas (RMB yuan)	0.86	0.86
- Tercair (RMB yuan)	0.86	0.86

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DISATUKAN DAN KESELURUHAN PENDAPATAN LAIN

Tahun berakhir 31 Disember 2020
(Dalam juta RMB, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2020	2019
Keuntungan bagi tahun	317,685	313,361
Pendapatan keseluruhan lain (selepas cukai, bersih)		
Barangan yang tidak dikategorikan sebagai untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama instrumen cara ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keseluruhan lain Pendapatan	1,289	(38)
Pendapatan keseluruhan lain yang diiktiraf di bawah cara ekuiti	(5)	11
Lain-lain	8	(5)
Barangan susulan mungkin dikategorikan sebagai untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama instrumen hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	(3,042)	8,026
Kerugian kredit instrumen hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan keseluruhan lain	1,051	(64)
Rizab dari instrumen lindung nilai aliran tunai	(253)	(634)
Pendapatan keseluruhan lain yang diiktiraf di bawah cara ekuiti	14	(530)
Perbezaan penukaran matawang asing	(16,212)	4,271
Lain-lain	1,311	(329)
Jumlah bahagian bagi pendapatan keseluruhan lain bagi tahun	(15,839)	10,708
Jumlah pendapatan keseluruhan lain bagi tahun	301,846	324,069
Jumlah keseluruhan pendapatan disebabkan oleh:		
Pemegang ekuiti syarikat induk	300,536	322,853
Faedah tidak terkawal	1,310	1,216
	301,846	324,069

Nota-nota tersebut membentuk bahagian yang penting dalam Penyata Kewangan Bank yang diaudit dan kefahaman yang menyeluruh terhadap penyata-penyata dan hal ehwal bank tidak boleh dicapai tanpa merujuk kepada keseluruhan Penyata Kewangan Bank yang diaudit. Laporan Tahunan Bank serta nota-nota kepada Penyata Kewangan dan senarai anak syarikat-anak syarikat boleh didapatkan dari: Industrial and Commercial Bank of China Limited, Cawangan Singapura, 6 Raffles Quay #12-01, Singapura 048580 atau di laman web (www.icbc-ltd.com).

NISBAH KECUKUPAN MODAL

(Dalam juta RMB, kecuali peratusan)

Item	Pada 31 Disember 2020	Pada 31 Disember 2019
Modal asas bersih	3,396,186	3,121,479
Modal teras tahap 1 bersih	2,653,002	2,457,274
Aset wajaran risiko	20,124,139	18,616,886
Nisbah kecukupan modal teras tahap 1	13.18%	13.20%
Nisbah kecukupan modal tahap 1	14.28%	14.27%
Nisbah kecukupan modal	16.88%	16.77%

Jika syarikat berada di bawah kuasa penerima, prosiding pembubaran atau prosiding yang sama bagi bank ini, undang-undang negara yang diperbadankan tidak memerlukan bank untuk memberikan keutamaan yang lebih rendah kepada para pendeposit di pejabat-pejabat luar negaranya, termasuk cawangan Singapura, berhubung dengan pendeposit di negara setempat, dalam pembayaran semula deposit.

PENGARAH-PENGARAH BANK

Nama	Jawatan
Chen Siqing	Pengerusi, Pengarah Eksekutif
Liao Lin	Naib Pengerusi, Pengarah Eksekutif, Presiden
Lu Yongzhen	Pengarah Bukan Eksekutif
Zheng Fuqing	Pengarah Bukan Eksekutif
Feng Weidong	Pengarah Bukan Eksekutif
Cao Liqun	Pengarah Bukan Eksekutif
Anthony Francis Neoh	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Yang Siu Shun	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Shen Si	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Nout Wellink	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Fred Zuliu Hu	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

LAPORAN AUDITOR BEBAS

Kepada para pemegang saham Industrial and Commercial Bank of China Limited (diperbadankan di Republik Rakyat China dengan liabiliti terhad)

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Industrial and Commercial Bank of China Limited ("Bank") serta anak syarikat-anak syarikatnya (Kumpulan), yang merangkumi kedudukan penyata kewangan dan Bank yang disatukan pada 31 Disember 2020, penyata untung rugi yang disatukan, penyata untung rugi yang disatukan dan lain-lain pendapatan yang menyeluruh yang disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan dan penyata aliran tunai yang disatukan bagi tahun yang telah berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain maklumat penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disatukan memberikan gambaran sebenar dan yang adil mengenai kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan yang disatukan dan aliran tunai Kumpulan yang disatukan bagi tahun yang telah berakhir menurut Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") dan telah disediakan dengan betul menurut keperluan pendedahan oleh Ordinan Syarikat Hong Kong.

Asas bagi Pendapat

Kami menjalankan audit menurut Piawaian Antarabangsa dalam Audit ("ISAs"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan lebih lanjut di dalam bahagian tanggungjawab juruaudit dalam mengaudit penyata kewangan yang disatukan di dalam laporan kami. Kami tidak terikat dengan Kumpulan sejajar dengan kod Etika bagi Akauntan Profesional yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan (Kod) bersama-sama dengan mana-mana keperluan etika yang relevan kepada pengauditan penyata kewangan yang disatukan di Republik Rakyat China dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain menurut keperluan-keperluan ini dan Kod. Kami yakin bahawa bukti audit yang kami telah terima sudah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Perkara-perkara audit yang utama

Perkara-perkara audit yang utama adalah perkara-perkara yang, dalam pertimbangan profesional kami, paling penting di dalam audit penyata kewangan yang disatukan bagi tempoh semasa. Perkara-perkara ini diuruskan dalam konteks audit penyataan kewangan yang disatukan kami secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami seterusnya, dan kami tidak menyediakan pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara tersebut.

Maklumat lain

Pengarah-pengarah bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain merangkumi semua maklumat yang disertakan dalam laporan tahunan, selain daripada penyata kewangan yang disatukan dan laporan juruaudit kami diatasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan gabungan tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan di atasnya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan yang disatukan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain secara tidak konsisten dengan penyata kewangan yang disatukan atau pengetahuan kami yang diperoleh dalam audit atau nampaknya salah nyata dari segi butirannya.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata maklumat lain ini, kami diminta untuk melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa laporan dalam hal ini.

Tanggungjawab pengarah bagi penyata kewangan yang disatukan

Pengarah-pengarah bertanggungjawab dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan yang memberikan penjelasan yang sebenar dan adil menurut IFRS yang dikeluarkan oleh IASB dan keperluan pendedahan di bawah Ordinan Syarikat Hong Kong, dan bagi kawalan dalaman yang pengarah-pengarah menganggapnya perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang disatukan yang bebas daripada kesalahan yang nyata dalam penyata, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, pengarah-pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasinya, mendedahkan jika berkaitan, perkara-perkara yang berkaitan dengan penerusan operasi dan menggunakan asas perakaunan operasi berterusan kecuali pengarah-pengarah sama ada ingin membubarkan Kumpulan atau menghentikan operasi, atau tidak ada alternatif yang realistik melainkan untuk melakukan sedemikian.

Pengarah-pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memantau proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan yang disatukan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang sewajarnya mengenai sama ada penyata kewangan yang disatukan itu secara keseluruhannya bebas daripada kesalahan pengisytiharan yang nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan sebuah laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Laporan ini dibuat khusus untuk anda, sebagai sebuah pertubuhan, dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap atau menerima liabiliti daripada mana-mana individu bagi kandungan laporan ini.

Jaminan yang sewajarnya adalah jaminan tahap tinggi tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut ISA akan selalunya mampu mengesan kesalahan pengisytiharan yang nyata apabila ia wujud. Kesalahan pengisytiharan boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap nyata dan penting jika, secara individu atau secara berkumpulan, ia sewajarnya dijangkakan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna berdasarkan penyata kewangan yang disatukan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang mematuhi ISA, kami melaksanakan penilaian profesional dan sentiasa mengamalkan sikap ragu-ragu yang profesional di sepanjang audit dijalankan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan pengisytiharan yang nyata bagi penyata kewangan yang disatukan, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, melakarkan dan melaksanakan prosedur audit yang bersesuaian kepada risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas kepada pendapatan kami. Risiko kerana tidak mengesan kesalahan pengisytiharan yang nyata disebabkan penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan daripada kesilapan, kerana penipuan boleh disebabkan bersubahat, pemalsuan, pengenepian yang sengaja, salah mewakili atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk membentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan meluahkan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengarah-pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan oleh Pengarah mengenai asas usaha yang berterusan bagi perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang didapatkan, sama ada wujud ketidakpastian yang nyata yang berkaitan dengan kejadian atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar kepada keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasinya. Jika kami menyimpulkan bahawa wujudnya ketidakpastian yang nyata, kami diperlukan untuk menyatakan dengan jelas di dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan yang disatukan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang didapatkan sehingga tarikh laporan audit kami. Namun, kejadian atau keadaan yang berlaku pada masa depan boleh mengakibatkan Kumpulan menghentikan operasinya.
- Menilai keseluruhan penyampaian, struktur dan kandungan penyata kewangan yang disatukan, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan yang disatukan itu mewakili transaksi dan kejadian yang dasar untuk mencapai penyampaian yang adil.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi berkenaan dengan maklumat kewangan entiti atau kegiatan perniagaan di dalam Kumpulan untuk membolehkan meluahkan pendapat mengenai penyata kewangan yang disatukan. Kami bertanggungjawab bagi hala tuju, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Jawatankuasa Audit mengenai, di antaranya, skop dan tempoh yang dirancangkan bagi audit dan penemuan audit yang penting, termasuk mana-mana kekurangan yang penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa perlaksanaan audit kami.

Kami juga memberikan Jawatankuasa Audit sebuah kenyataan bahawa kami telah mematuhi dengan syarat-syarat etika yang relevan berkenaan dengan kebebasan dan berkomunikasi dengan mereka dalam semua perhubungan dan hal-hal lain yang sewajarnya boleh membuktikan kebebasan kami dan, jika berkaitan, kawalan yang berkaitan.

Daripada hal-hal yang disampaikan kepada Jawatankuasa Audit, kami menentukan perkara-perkara yang paling penting dalam mengaudit penyata kewangan yang disatukan bagi tempoh semasa dan, oleh itu, perkara-perkara audit yang utama. Kami menjelaskan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kecuali jika undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam mengenai perkara tersebut atau bila, keadaan yang jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak sepatutnya disampaikan di dalam laporan kami disebabkan akibat buruk jika berbuat demikian, maka kesan akibat tersebut mengatasi faedah pendedahan awam bagi komunikasi tersebut.

Rakan kerja penglibatan dalam audit ini untuk menghasilkan laporan bebas ini adalah Wong Yuen Shan.

KPMG
Akauntan Awam Bertauliah
Central, Hong Kong
26 March 2021